| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 1. | **Pengenalan** | Geran Kolaborasi UTM (UTM CG) ialah geran penyelidikan daripada **dana dalaman UTM kepada penyelidik dan akan diberikan sebagai geran berasingan**. Geran ini merupakan **pelengkap bagi kos keseluruhan penyelidikan** atau **pelengkap bagi aktiviti penyelidikan** yang dijalankan.<br><br>UTM CG adalah **berkonsep program dan projek** di mana **sekurang-kurangnya dua projek** diperlukan bagi menyokong program tersebut. Keperluan UTM CG mestilah dinyatakan di dalam ***Letter of Award*** **(LoA) /** ***Memorandum of Agreement*** **(MoA)** yang diterima daripada pihak kolaborator.<br><br>Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada syor panel dan status kewangan UTM.<br><br>**A.** Terdapat 2 jenis UTM CG :<br><br>**i) UTM CG1: Dana kolaborator dan Dana UTM CG diberikan kepada penyelidik UTM**<br><br>Penyelidik yang menerima geran penyelidikan daripada pihak **swasta/industri/ univerisiti /agensi dalam negara dan antarabangsa**, dan berminat untuk memohon UTM CG1 ini hendaklah menghantar *Letter of Award* serta kertas cadangan program dan projek daripada **pihak kolaborator dan UTM** yang lengkap ke RMC. Penyelidik akan mengetuai program, projek yang dibiayai oleh pihak kolaborator, dan projek yang dibiayai oleh pihak UTM.<br><br>**ii) UTM CG2: Dana kolaborator diberikan kepada kolaborator dan Dana UTM CG diberi kepada penyelidik UTM**<br><br>Penyelidik yang menerima geran penyelidikan daripada pihak **swasta/industri/ univerisiti /agensi antarabangsa SAHAJA, yang mana dana tersebut tidak disalurkan ke UTM,** dan berminat untuk memohon UTM CG2 ini hendaklah menghantar *Letter of Award* serta kertas cadangan program dan projek daripada **pihak kolaborator dan UTM** yang lengkap ke RMC. Penyelidik akan mengetuai program dan projek yang dibiayai oleh pihak UTM.<br><br>**B. Jenis Geran (RADIS)** |

| | |
|---|---|
| **Dana kolaborator** | i) **INTERNATIONAL:** Dana yang diterima daripada pihak antarabangsa<br>ii) **CR:** Dana yang diterima daripada pihak swasta/industri.<br>iii) **GAG:** Dana yang diterima daripada pihak Agensi Kerajaan<br>**iv) NGA:** Dana yang diterima daripada pihak Agensi Bukan Kerajaan |
| **Dana UTM** | **UTM CG** : Dana kolaborasi yang diterima dari UTM |

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| | | **C.** Indikasi di dalam RADIS<br>Program: Jenis Geran: X.0<br>Projek 1 : Jenis Geran : X.1 (contoh: UTM CG 1.1)<br>Projek 2 : Jenis Geran : X.2 (contoh: CR 1.2) |
| 2. | **Objektif** | Geran ini diwujudkan bertujuan untuk menggalakkan penyelidik menjalinkan kerjasama dan menjalankan penyelidikan secara kolaboratif dengan pihak swasta/industri, IPT/agensi kerajaan (dalam negara) dan antarabangsa, dan seterusnya mendapatkan geran penyelidikan daripada mereka. Ini adalah peluang kepada penyelidik untuk menjalin rangkaian dengan industri dan rakan kongsi antarabangsa. |
| 3. | **Syarat Permohonan** | 1. Penyelidik MESTILAH **staf akademik yang tidak disenarai hitam oleh universiti.**<br>2. Telah menyelesaikan dan menghantar laporan akhir bagi projek yang telah tamat.<br>3. Permohonan geran perlu disertakan bersama:-<br>**i)** ***Letter of Award*** **(LoA) /** ***Memorandum of Agreement*** **(MoA)**<br>**ii)** **Kertas Cadangan Penyelidikan CG**<br>**iii)** **Kertas Cadangan Penyelidikan Kolaborator**<br>**iv)** **Slaid Sumbangan UTM dan Kolaborator**<br>**v)** **Keputusan Semakan Plagiarisme Turnitin bagi CG** (Persamaan mestilah kurang atau sama dengan 20%)<br>**vi)** **Keputusan Semakan Plagiarisme Turnitin bagi Kolaborator** (Persamaan mestilah kurang atau sama dengan 20%)<br>4. Pihak kolaborator (**swasta/industri/ univerisiti /agensi dalam negara / antarabangsa)** telah bersetuju untuk memberikan dana penyelidikan dalam bentuk tunai kepada UTM dan didaftarkan di RADIS (UTM CG1) / diuruskan oleh pihak kolaborator (UTM CG2).<br>5. Ketua Penyelidik warganegara Malaysia atau bukan warganegara Malaysia bertaraf tetap/kontrak dimestikan mempunyai sekurang-kurangnya seorang (1) penyelidik bersama warganegara Malaysia bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.<br>6. Setiap projek hendaklah terdiri daripada Ketua Penyelidik dan sekurang-kurangnya satu (1) staf akademik UTM bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.<br>7. Penyelidik hanya boleh mengemukakan satu permohonan UTM CG daripada penaja yang sama dalam satu masa dan sekali sahaja untuk setiap projek yang dibiayai.<br>8. **Pemohon perlu menghantar semua dokumen yang diperlukan berdasarkan senarai semak UTM CG (Rujuk Lampiran 1).** |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>KETERANGAN</th></tr>
<tr><td>4.</td><td>Rubrik pengiraan PI dalam LPPT</td><td>Indikasi projek adalah seperti berikut:<br>
<table>
<tr><th>Jenis Geran</th><th>Program/ projek</th><th>Pengiraan PI dalam LPPT</th></tr>
<tr><td rowspan="3">UTM CG1<br>3 Cost Centre No. (CCN)</td><td>Program: Jenis Geran: CG</td><td>Bukan PI</td></tr>
<tr><td>Projek: Jenis Geran: CG1</td><td>PI</td></tr>
<tr><td>Projek: Jenis Geran: IG/CR /GAG /NGA</td><td>PI</td></tr>
<tr><td rowspan="3">UTM CG2<br>3 Cost Centre No. (CCN)</td><td>Program: Jenis Geran: CG</td><td>Bukan PI</td></tr>
<tr><td>Projek: Jenis Geran: CG2</td><td>PI</td></tr>
<tr><td>Projek: Jenis Geran: IG-P/GAG-P/NGA-P</td><td>Bukan PI</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Bidang Tujahan</td><td>Setiap proposal hendaklah memenuhi salah satu (9) Signature Research UTM:<br>1) Biomedical and Healthcare Engineering<br>2) Natural Product, Biorefinery, and Biotechnology<br>3) Sustainable and Resilient Urbanisation<br>4) Smart Mobility<br>5) Next Generation Systems and Networks<br>6) Smart Living and Sustainable Cities<br>7) Energy Security<br>8) Water Security<br>9) Smart Manufacturing and Materials</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>Tempoh Penyelidikan</td><td>1. Mengikut tempoh penyelidikan yang dipersetujui oleh semua pihak pemberi dana.<br>2. Bagi staf kontrak, tempoh pelaksanaan UTM CG mestilah tidak melebihi tempoh perkhidmatan lantikan kontrak.<br>3. Pelanjutan tempoh adalah seperti yang dipersetujui oleh semua pihak pemberi dana dan selari dengan tarikh tamat bagi semua dana yang berkaitan.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Peruntukan Geran Kolaborasi</td><td>1. Pemberian peruntukan UTM CG ini bergantung kepada kemampuan dan kedudukan kewangan Universiti.<br>2. Ketua Projek bertanggungjawab memastikan dana kolaborator disalurkan mengikut LoA / MoA.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Peraturan Kewangan</td><td>Perbelanjaan UTM CG yang dibenarkan adalah yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja. Penyelidik perlu mematuhi prosedur semasa perolehan universiti bagi setiap perbelanjaan seperti berikut:</td></tr>
</table>

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| | | **V11000 (upah/gaji/elaun)** |

Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) / SLPP SRA / Pembantu Penyelidik (RA) / lantikan pelajar dan biasiswa dengan mengikut kadar bayaran yang dicadangkan:

**1) Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP GRA)***

Kadar elaun sara hidup pelajar:

| PENGAJIAN | ELAUN SARA HIDUP / BULAN |
|---|---|
| Sarjana | RM1,800.00 - RM2,000.00 |
| PhD | RM2,300.00 - RM2,500.00 |

* tertakluk kepada kelulusan

**2) Pembantu Penyelidik Siswazah (SLPP SRA)***

Kadar elaun sara hidup pelajar:

| KELAYAKAN | KADAR / JAM (RM) | KADAR / HARI (RM) | ELAUN SARA HIDUP / BULAN |
|---|---|---|---|
| STPM / Matrikulasi | 7.50 | 60.00 | RM1,560.00 |
| Diploma | 8.50 | 68.00 | RM1,768.00 |
| Sarjana Muda | 10.50 | 84.00 | RM2,184.00 |
| Sarjana | 13.50 | 108.00 | RM2,808.00 |

* tertakluk kepada kelulusan

**3) Pegawai Penyelidik (Q9R) / Penolong Pegawai Penyelidik (Q5R) / Pembantu Penyelidik (Q1R) ***

- Siling gaji adalah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh pihak UTM. Calon hendaklah bukan bertaraf pelajar; dan
- Bidang tugas yang dilantik mestilah yang berkaitan dengan skop penyelidikan yang telah diluluskan untuk projek tersebut sahaja.

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|

| LANTIKAN | KELAYAKAN | TANGGA GAJI (RM)** |
|---|---|---|
| Pembantu Penyelidik (Q1R) | SPM | RM1,500.00 - RM4,680.00 |
| Penolong Pegawai Penyelidik (Q5R) | STPM / Diploma | RM1,650.00 - RM6,620.00 |
| Pegawai Penyelidik (Q9R) | Ijazah Sarjana Muda Sarjana | RM2,250.00 - RM11,110.00 |

* tertakluk kepada kelulusan
** kadar tidak termasuk potongan KWSP dan SOCSO

**Nota : Tangga gaji merujuk Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) bagi Kumpulan Pelaksana serta Pengurusan dan Profesional mulai 1 Disember 2024**

- Bajet bayaran gaji perlu mengambil kira peruntukan untuk potongan KWSP dan SOCSO bagi caruman majikan seperti berikut:
  i. KWSP (potongan majikan) – 13% daripada gaji yang diterima (rujuk laman web Jadual Ketiga, Akta KWSP 1991, Pindaan Julai 2022.
  ii. SOCSO (potongan majikan) – berdasarkan kadar caruman yang ditetapkan (rujuk laman web www.perkeso.gov.my).

**V21000 (perjalanan & pengangkutan)**

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, pengangkutan domestik dan sara hidup yang berkaitan dengan projek dalam satu tempoh yang tertentu semasa menjalankan kajian/kerja lapangan.
- Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan, pengangkutan dan sara hidup mestilah **tidak melebihi 20%** daripada jumlah keseluruhan projek.
- Perjalanan ke luar negara dibenarkan hanya sekali sahaja tertakluk kepada kecukupan geran yang telah dipohon. Hanya **Ketua Penyelidik dan penyelidik bersama** yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu penyelidik (RA) dan pembantu penyelidik siswazah (GRA) hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja menggunakan peruntukan geran ini.

**V24000 (sewaan / perhubungan dan utiliti)**

- Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan, penggunaan komputer dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

**V27000 (bekalan & penyelidikan)**

- Hanya perbelanjaan **bahan** yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| | | **V28000 (penyelenggaraan dan ubah suai)**<br>• Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.<br>• Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.<br><br>**V29000 (perkhidmatan ikhtisas)**<br>• Meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk yuran persidangan, percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.<br>• Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau penyelidik bersama tidak dibenarkan.<br><br>**V35000(peralatan dan aksesori)**<br>• Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan berkenaan sahaja dibenarkan. Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga yang berkaitan<br>• Jumlah yang dipohon bagi vot ini pula **tidak melebihi 40%** daripada jumlah keseluruhan projek.<br>• Pembelian peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit / komputer / komputer riba / mesin pencetak dan seumpamanya) adalah **tidak dibenarkan**. |
| | | **Kawalan Peruntukan:**<br>• Tidak dibenarkan membuat pindaan keluar daripada vot 11000.<br>• Tidak dibenarkan membuat pindaan masuk ke dalam vot 21000 kecuali bagi tujuan pengumpulan data sepertimana Kertas Cadangan Asal bersama justifikasi yang kukuh.<br>• Tidak dibenarkan membuat pembelian tiada dalam proposal sebelum mendapat kelulusan.<br>• Semua jenis pembelian melalui pesanan rasmi (PO) perlu dibuat sekurang- kurangnya 3 bulan sebelum tarikh tamat dan tuntutan perlu dilakukan sebelum tarikh tamat tempoh projek penyelidikan.<br>• Sebarang pembelian selepas tarikh tamat tempoh projek tidak akan dipertimbangkan. |

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 9. | **Output Penyelidikan** | Output penyelidikan projek adalah (UTM CG): |

**PENERBITAN:**

**Science & Technology**

| Julat geran | KPI penerbitan |
|---|---|
| Setiap 30,000 – 40,000 | Menghasilkan penerbitan WoS satu (1) Q1 – Q3 |
| Setiap kurang dari RM29,999 | Menghasilkan penerbitan satu (1) Indeks WoS atau Scopus |

**Contoh:**

i) Kelulusan RM70,000 perlu menghasilkan dua (2) penerbitan WoS satu (1) Q1 – Q3
ii) Kelulusan RM170,000 perlu menghasilkan empat (4) penerbitan WoS satu (1) Q1 – Q3, dan satu (1) Indeks WoS atau Scopus.
iii) Kelulusan RM58,000 perlu menghasilkan satu (1) penerbitan WoS satu (1) Q1 – Q3, dan satu (1) Indeks WoS atau Scopus.
iv) RM15,000 perlu menghasilkan satu (1) Indeks WoS atau Scopus.

**Social Science**

| Julat geran | KPI penerbitan |
|---|---|
| Setiap RM30,000 hingga RM40,000 | Menghasilkan penerbitan satu (1) Indeks WoS |
| Setiap kurang dari RM29,999 | Menghasilkan penerbitan satu (1) Indeks (MyCITE, ERA) |

**Contoh:**

i) Kelulusan RM70,000 perlu menghasilkan dua (2) penerbitan satu (1) Indeks WoS.
ii) Kelulusan RM170,000 perlu menghasilkan empat (4) penerbitan satu (1) Indeks WoS, dan satu (1) Indeks (MyCITE, ERA).
iii) Kelulusan RM58,000 perlu menghasilkan satu (1) Indeks WoS, dan satu (1) Indeks (MyCITE, ERA).
iv) Kelulusan RM15,000 perlu menghasilkan satu (1) Indeks (MyCITE, ERA).

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| | | • Penghargaan kepada geran UTM CG, UTM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Format adalah seperti berikut:<br>**Universiti Teknologi Malaysia, UTM CG, serta no rujukan geran/no. *cost center***<br>• Penghargaan bagi setiap penerbitan hanya terhad kepada 2 geran penyelidikan sahaja.<br>• Penerbitan artikel dalam jurnal terindeks yang **melibatkan penulis bersama** dari kalangan pihak kolaborator luar adalah amat digalakkan<br><br>**SURAT / MEMORANDUM PERJANJIAN:**<br>• Satu (1) *Letter of Agreement (LoA) / Memorandum of Agreement (MoA)*<br><br>**PENGLIBATAN / PENGANJURAN PROGRAM CSR:**<br>• Digalakkan satu (1) bagi penglibatan/ penganjuran program CSR bersama komuniti.<br><br>**IP/ hakmilik**<br>• Penetepan output IP termasuk hakmilik adalah bergantung kepada perbincangan awal pihak UTM, penaja dan penyelidik dan perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen MOA/proposal |
| 10. | **Proses Permohonan** | Permohonan untuk UTM CG boleh dibuat dengan melampirkan semua dokumen yang diperlukan dan menghantar melalui emel ke alamat nationalgrant.rmc@utm.my. |
| 11. | **Penilaian Proposal** | 1. Permohonan akan disemak dan dinilai oleh panel yang dilantik di peringkat UTM Research Alliances (RA) berdasarkan bidang kepakaran yang bersesuaian dengan *niche proposal*.<br>2. Kertas cadangan program dan projek akan dinilai secara manual dengan menggunakan borang penilaian yang disediakan.<br>3. Kertas cadangan program dan projek **mestilah berkualiti, boleh dilaksanakan secara teknikal dengan pencapaian yang boleh dicapai, dan mempunyai potensi untuk pembangunan selanjutnya**.<br>4. Pasukan penyelidik mesti mempunyai **rekod prestasi** yang baik untuk memastikan projek penyelidikan berjaya dijalankan dan mencapai objektif yang dijanjikan. |
| 12. | **Keputusan** | 1. Keputusan penilaian dan pemilihan *proposal* akan diperakukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dana Penyelidikan (JKPD).<br>2. Sekiranya status penilaian kali pertama adalah pindaan (amendment), ketua projek perlu membuat pembetulan dan menghantar semula pembetulan tersebut kepada RMC untuk penilaian kali kedua.<br>3. Nilai peruntukan geran kolaborasi bergantung kepada kelulusan JKPD.<br>4. Keputusan yang diumumkan adalah **MUKTAMAD**. |

| BIL | PERKARA | KETERANGAN |
|---|---|---|
| 13. | **Pemantauan Projek** | • Ketua Program / Ketua Projek (UTM) perlu turut melaporkan perkembangan projek yang dijalankan oleh oleh pihak kolaborator di RADIS.<br>• Pemantauan Program dan Projek UTM CG dijalankan sebanyak **2 kali setahun** iaitu pada bulan Jun dan Disember setiap tahun.<br>• Setiap projek penyelidikan yang diluluskan diwajibkan menghadiri Bengkel Pemantauan UTM CG sekiranya perlu bagi tujuan menilai pencapaian geran yang telah diluluskan. Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek prestasi projek dan prestasi perbelanjaan.<br>• Peruntukan geran yang telah diluluskan akan **diagihkan mengikut tahun** selepas geran penyelidikan di aktifkan<br>• Pemantauan geran penyelidikan ini melihat kepada aspek seperti berikut:<br>(a) Prestasi projek; dan<br>(b) Prestasi kewangan; dan<br>• Berdasarkan hasil pemantauan dan dengan kelulusan JKPD, status projek akan ditukarkan kepada:<br>(a) ***SUSPENDED***<br>- Jika tidak menghantar laporan kemajuan dalam tempoh yang ditetapkan<br>(b) ***TERMINATED***<br>- Jika tidak diaktifkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh makluman kelulusan.<br>- Jika tiada aktiviti atau perbelanjaan dibuat dalam tempoh 3 bulan geran AKTIF selepas dua (2) kali peringatan diberikan. |
| 14. | **Penutupan/ Penamatan Geran** | • Ketua Projek bertanggungjawab untuk menutup geran penyelidikan yang telah diluluskan dengan menghantar laporan akhir dalam tempoh **tidak melebihi tiga (3) bulan selepas tarikh tamat** geran penyelidikan.<br>• Ketua Projek perlu menghantar fail *Online Claim* selepas projek tamat ke Seksyen Kewangan RMC untuk tujuan pengesahan dokumen.<br>• Aset Penyelidikan yang dibiayai menggunakan geran ini perlu diselia oleh Ketua Projek apabila geran telah tamat. Permohonan Pindah Hak Milik / Pelupusan aset penyelidikan tersebut boleh dimajukan ke Seksyen Kewangan RMC.<br>• Kegagalan menghantar fail *Online Claim* dan laporan akhir boleh mengakibatkan projek penyelidikan tidak dapat ditutup dengan sempurna & memberi kesan kepada permohonan dan pendaftaran projek penyelidikan yang akan datang.<br>• Ketua Projek boleh **di senarai hitam** sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar. |

**Lampiran 1**

**Senarai Semak Permohonan Geran Kolaborasi (CG)**

| NO | PERKARA | CATATAN |
|---|---|---|
| 1 | *Letter of Award* (LoA) / *Memorandum of Agremeent* (MoA) | LoA / MoA perlu mempunyai:<br>1. Kepala surat rasmi<br>2. Tandatangan pihak yang bertanggungjawab<br>3. Menyatakan keperluan<br>4. Tarikh surat<br>5. Nombor rujukan surat<br>6. Nama program/projek<br>7. Nama ketua program/projek<br>8. Tempoh projek, tarikh mula dan tarikh tamat<br>9. Jumlah dana program/projek (bagi MoA) |
| 2 | *Research Project Proposal of Collaborator* | Perlu disertakan |
| 3 | *Research Project Proposal of* CG UTM | Perlu menggunakan templat sedia ada proposal penyelidikan UTM CG |
| 4 | *Slide Contributions of UTM and Collaborator* | Perlu menggunakan templat sedia ada *slide contribution* |
| 5 | *Turnitin Report of Collaborator's Research Project Proposal* | Persamaan (*similarity*) mestilah kurang atau sama dengan 20% |
| 6 | *Turnitin Report of UTM CG's Research Project Proposal* | Persamaan (*similarity*) mestilah kurang atau sama dengan 20% |

| | | |
|---|---|---|
| UTM | **KRITERIA GERAN KOLABORASI UTM (UTM CG)** | **Semakan:** |
| | | **Tarikh Pindaan: 27 March 2025** |
| | |  |

**Carta alir permohonan Geran Kolaborasi:**

| Pegawai Bertanggungjawab | Aliran Kerja | Proses Kerja |
|---|---|---|
| |  | Mula |
| KP | | Penyediaan dokumen<br>1. LoA / MoA<br>2. Proposal CG<br>3. Proposal Kolaborator<br>4. Slide contribution<br>5. Turnitin CG<br>6. Turnitin Kolaborator |
| KP | | Menghantar dokumen permohonan melalui emel ke alamat nationalgrant.rmc@utm.my |
| RA | | Mengenal pasti panel Chair RA dan pakar bidang |
| Panel | | Penilaian proposal kali pertama |
| Ahli JKPD | | Perakuan keputusan geran kolaborasi dalam mesyuarat JKPD |
| RMC | | Mengumumkan keputusan permohonan |
| KP | | Membuat penambahbaikan proposal berdasarkan komen panel |
| Panel | | Penilaian proposal kali kedua |
| KP | | Pendaftaran geran di RADIS |
| KP | | Pendaftaran UTM Linkages |
| RM | | Semakan dokumen |
| RM | | Penjanaan Cost Centre |
| RMC | | Penyaluran peruntukan CG di RADIS |
| | | Tamat |